

10 MAY 2001

MTUC - piket

PENANGGUHAN PIKET BUKAN PAKSAAN ATAU PENGARUH TERTENTU, KATA ZAINAL

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Keputusan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menangguhkan piket Sabtu ini bukan atas paksaan atau pengaruh mana-mana pihak tertentu, kata Presidennya Senator Zainal Rampak hari ini.

Beliau berkata penangguhan itu dibuat setelah mendapat jaminan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menimbangkan tiga daripada tujuh tuntutan yang terkandung dalam memorandum pihak kesatuan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Bercakap kepada pemberita di lobi Parlimen di sini beliau berkata keputusan itu adalah untuk kepentingan pekerja dan yakin mereka gembira dengan penangguhan itu.

"Kalau ada pihak tertentu yang merasa kecewa (dengan penangguhan piket) itu soal mereka.

"Saya ingin menegaskan bahawa MTUC adalah sebuah pertubuhan yang memperjuangkan kepentingan pekerja dan tidak akan membenarkan mana-mana pihak terutamanya pertubuhan politik mengambil kesempatan terhadap isu itu," katanya.

Semalam Zainal mengumumkan bahawa MTUC menangguhkan rancangan mengadakan piket di hadapan pejabat KWSP di seluruh negara, 12 Mei ini setelah Dr Mahathir memberi jaminan akan menimbangkan tiga perkara yang dituntut, iaitu mengenai soal penswastan skim insurans anuiti, faedah kematian dan hilang upaya serta mengemas kini pengurusan wang KWSP.

Dalam suratnya Dr Mahathir memberi jaminan bahawa skim insurans anuiti ditangguhkan sehingga kajian oleh pakar perunding yang dilantik oleh KWSP selesai, menilai semula faedah kematian dan hilang upaya sebanyak RM2,000 bagi mengembalikan kadar asal antara RM1,000 dan RM30,000 serta menentukan pengurusan dana KWSP dilakukan tanpa menimbulkan keraguan mana-mana pihak.

Zainal yakin tempoh tiga bulan sehingga 9 Ogos cukup bagi KWSP untuk membuat perubahan dalam pengurusannya di samping menyediakan ruang perbincangan ke arah jalan penyelesaian sepenuhnya.

Katanya KWSP telahpun bersetuju agar MTUC menghantar wakil dalam perbincangan yang akan diadakan bagi membolehkan kesatuan mengemukakan pandangan terhadap perkara-perkara berbangkit.

"Apa yang kami mahukan ialah ketelusan dan pengurusan baik agar dana KWSP dapat digunakan dengan sebaik mungkin dan tidak berlaku sebarang perbelanjaan yang boleh menjejaskan kadar dividen," katanya.

Zainal berkata cadangan untuk mengadakan piket bagaimanapun tidak dilupakan sama sekali kerana ia bergantung kepada perkembangan yang berlaku dalam tempoh tiga bulan itu.

--BERNAMA

AKT AKT RI